

Khalid: KJ kelentong, tiada jemputan debat rasmi dari Kelantan
The Malaysian Insider
08 September , 2011
Oleh Syed Mu'az Syed Putra

KUALA LUMPUR, 8 Sept — Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad menyifatkan Khairy Jamaluddin cuba meraih populariti apabila mendakwa telah menerima tawaran daripada kerajaan negeri Kelantan untuk berdebat dengan Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu berhubung tragedi Bukit Kepong.

Sebaliknya Khalid menegaskan, kerajaan negeri Kelantan tidak pernah menghantar sebarang surat rasmi kepada Khairy selaku Ketua Pemuda Umno, tetapi hanya satu e-mel yang bertanyakan jika Ahli Parlimen Rembau itu bersedia berdebat.

“Khairy Jamaluddin cuba mengambil kesempatan dalam isu Mat Sabu (Mohamad) ini, sebenarnya e-mel yang dihantar itu hanya bertanyakan sama ada beliau sanggup atau bersedia berdebat daripada Kelantan, dalam e-mel itu juga mengatakan seorang lagi panel berkemungkinan Mat Sabu.

“Tarikhnya pula penghujung September ini, 9 malam di Kota Baru, itu sahaja tetapi Khairy dah keluarkan kenyataan macam perkara ini sudah muktamad sedangkan Mat Sabu pun belum kata apa-apa,” katanya pada sidang media di sini.

Justeru jelas beliau, Khairy telah berbohong untuk mendapatkan publisiti dalam isu kenyataan kontroversi Mohamad.

“Ya, dia (Khairy) berbohong, kelentong . . . inilah talian hayat untuk dapatkan publisiti semata-mata untuk mengekalkan jawatan yang dipegangnya.

“Kita tahu dia dah tiada sokongan akar umbi, dia mahu tunjuk hebat sedangkan e-mel yang dihantar itu hanya bertanyakan pendapatnya sahaja,” kata beliau yang juga Timbalan Pesuruhjaya PAS Selangor.

Khairy sebelum ini berkata telah menerima jemputan untuk berdebat dengan Mohamad di Kelantan akhir bulan ini.

Namun, Mohamad menolak cabaran itu dan menyerahkan kepada Pemuda PAS untuk berdebat dengan Khairy — memutuskan untuk berdebat dengan Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mohamad mencetuskan kontroversi apabila memberitahu dalam satu ceramah bahawa pejuang kemerdekaan telah melancarkan serangan itu di balai polis Bukit Kepong — membunuh 25 orang — semasa pemberontakan komunis pada 1950.

Ahli politik itu telah dituduh membela komunis oleh pemimpin Umno dan ia disiarkan dalam Utusan Malaysia walaupun Mohamad menafikan ada menggunakan perkataan komunis dalam ceramahnya.

Mohamad, dalam ceramahnya mengatakan Ahmad Indera atau Mat Indera — salah seorang individu yang dipujinya ketika ceramah pada 21 Ogos lalu telah dikatakan sebagai seorang

pejuang kemerdekaan, sebagaimana disebutkan dalam Berita Harian pada 13 Ogos 2010.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/khalid-kj-kelentong-tiada-jemp-utan-debat-rasmi-dari-kelantan/>